

# JANGKITAN PERNAFASAN oleh Virus di kalangan Kawanan Unggas Domestik



Disediakan oleh : Dr. Iswadi Ismail  
Institut Penyelidikan Veterinar, Ipoh

## Unggas Domestik

Secara umumnya, unggas domestik adalah sejenis haiwan ternakan kelompok burung dimana daging, telur atau bulunya boleh dimanfaatkan untuk kepentingan ekonomi. Kelompok burung ini terdiri daripada kumpulan Galliformes seperti ayam, ayam belanda/ ayam piru, puyuh dan sebagainya, ataupun kumpulan Anseriformes seperti itik dan angsa.



Ayam domestik



Ayam belanda/ayam piru



Itik



Puyuh



Angsa



Di Malaysia, unggas domestik adalah merupakan antara penyumbang utama bagi sektor ekonomi pertanian negara. Berdasarkan Perangkaan Ternakan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) 2019/2020, bilangan ternakan unggas domestik menunjukkan peningkatan bagi tahun 2020 jika dibandingkan dengan tahun sebelumnya. Terdapat peningkatan ternakan ayam sebanyak 5.25% di Semenanjung Malaysia, 7.43% di negeri Sabah dan 5.10% di negeri Sarawak. Manakala bagi ternakan itik, terdapat peningkatan sebanyak 2.81% di Semenanjung Malaysia dan 2.11% bagi negeri Sabah. Walaupun begitu, terdapat sedikit penurunan sebanyak 3.45% bagi negeri Sarawak. Tambahan, pada tahun 2019, Jabatan Perangkaan Malaysia melaporkan sektor ternakan menyumbang sebanyak 15.3% kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK).



## Jangkitan Salur Pernafasan Di Kalangan Unggas Domestik

Jika dilihat dari sudut pandangan kesihatan veterinar, jangkitan pernafasan adalah sesuatu yang lumrah dan sering dilaporkan dalam industri ternakan unggas. Jangkitan pernafasan ini boleh melibatkan sama ada jangkitan pada salur pernafasan atas atau salur pernafasan bawah. Jenis dan tahap keterukan jangkitan bergantung kepada beberapa faktor antaranya jenis punca jangkitan, tempoh masa jangkitan dan status keimunan unggas.

Virus adalah antara agen penyebab kepada pelbagai jenis penyakit pernafasan pada unggas domestik. Virus ini boleh menjangkiti tanpa mengambil kira faktor umur dan spesies unggas sama ada pedaging mahupun penelur.

Maklumat semasa menunjukkan jangkitan pernafasan yang disebabkan oleh virus mudah tersebar di kalangan kawanan unggas domestik di seluruh dunia terutamanya di kawasan ternakan unggas intensif. Meskipun begitu, terdapat juga laporan jangkitan pernafasan pada kawanan unggas separa-intensif dan lepas bebas. Status sakit (morbidity) dilaporkan di antara 10-20% dengan kadar kematian di antara 5-10% (kadang kala boleh melebihi 10% pada satu-satu kawanan).

Air minuman, makanan, persekitaran, personel, mekanikal dan kenderaan di ladang ternakan yang tercemar merupakan antara penyebab penularan virus di ladang-ladang ternakan unggas domestik.

## Tanda-Tanda Klinikal Jangkitan Pernafasan

Pemerhatian tanda-tanda klinikal pada unggas adalah berbeza kerana ia bergantung kepada tropisme (tropism) sesuatu virus tersebut sama ada di salur pernafasan atas atau salur pernafasan bawah.

Tanda klinikal berkait dengan jangkitan pada salur pernafasan atas termasuklah:



Bersin



Pembengkakan pada muka



Lelehan pada hidung



Bernafas melalui mulut



Mata berair



Regangan leher ke arah luar




Bunyi gemerincing



Tanda klinikal berkait dengan jangkitan pada salur pernafasan bawah termasuklah:



### Pemeriksaan Daripada Bedah Siasat



### Faktor Risiko

